

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF  
[ PETRAJAYA ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 12**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembukaan universiti Jepun seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dahulu. Sudahkah dimuktamadkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri Malaysia berhasrat untuk memberi lebih pendedahan dan akses kepada sistem pendidikan Jepun bagi pelajar Malaysia melalui polisi Pandang ke Timur. Sehubungan itu YAB Perdana Menteri telah mencadangkan kepada Perdana Menteri Jepun untuk menubuhkan kampus cawangan institusi pendidikan tinggi (IPT) Jepun di Malaysia. Hasrat YAB Perdana Menteri ini telah disambut baik oleh Kerajaan Jepun

Selaras dengan itu, satu lawatan kerja oleh Kerajaan Jepun ke Malaysia telah diadakan pada bulan September 2019 yang terdiri daripada Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology of Japan (MEXT), Ministry of Foreign Affair dan Japan Embassy in Malaysia. Antara perkara utama yang dibincangkan bersama-sama delegasi Jepun adalah mengenai penubuhan, pendaftaran dan pengoperasian sebuah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Terdapat dua (2) buah IPT Jepun telah mempertimbangkan penubuhan kampus cawangan di Malaysia iaitu Nippon Designers School yang merupakan IPTS di Jepun dan University of Tsukuba yang merupakan Universiti Awam di Jepun.

Setelah mendapat persetujuan pengecualian moratorium penubuhan IPTS daripada Jemaah Menteri, pelbagai usaha memudahcara telah dilaksanakan seperti kerja ke cadangan lokasi, perbincangan dengan kampus cawangan luar negara yang telah beroperasi di Malaysia bagi berkongsi pengalaman, perbincangan dengan agensi pemberi biasiswa dan bantuan pinjaman pendidikan, serta perbincangan dengan Institusi Pendidikan Tinggi yang lain mengenai potensi kolaborasi.

Berdasarkan perbincangan awal, penubuhan kampus cawangan University of Tsukuba di Malaysia adalah dijangka pada tahun 2021 manakala penubuhan kampus cawangan Nippon Designers School adalah dijangka pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.